



MAJLIS PERBANDARAN BENTONG

**GARIS PANDUAN BAGI
PERMOHONAN PERMIT**

TARIKH KUATKUASA GARIS
PANDUAN
1 JANUARI 2023

1) JENIS PELESENAN

- a) Sepanduk
- b) Gegantung
- c) Belon Udara
- d) Buah-Buahan Bermusim
- e) Meja
- f) Kaki Lima
- g) Perniagaan Sementara

2) NAMA AGENSI / PIHAK BEKUASA MELESEN

- Majlis Perbandaran Bentong, Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran

3) PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN PENGELUARAN PELESENAN

- Undang-Undang Kecil Iklan (Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) 1976.
- Kertas Kerja.
- Dasar Majlis

4) OBJEKTIF PELESENAN

- Memastikan Sepanduk, Gegantung, Belon Udara, Buah-Buahan Bermusim, Meja, Kaki Lima Dan Permit Perniagaan Sementara Dikenakan Permit.
- Memastikan Pengeluaran Permit Adalah Terkawal
- Memastikan Pemohon Mematuhi Syarat Permit Yang Telah Ditetapkan.

5) KETERANGAN PELESENAN

- Mana-Mana Individu atau Syarikat Yang Mempamer atau Meletakkan Sebarang Peralatan Bertujuan Perniagaan atau pengiklanan.

6) SIAPA YANG BOLEH MOHON / KELAYAKAN PEMOHON

- Mana-Mana Individu atau Syarikat Yang Menjalankan Aktiviti Mempamer atau Meletakkan Sebarang Peralatan Bertujuan Perniagaan atau pengiklanan.

7) BILA PERLU DIMOHON

- Sebelum Mempamer atau Meletakkan Sebarang Peralatan Bertujuan Perniagaan atau pengiklanan.

8) BAGAIMANA KAEDAH PERMOHONAN (DALAM TALIAN atau MANUAL)

JENIS PERKHIDMATAN	KETERANGAN						
Perkhidmatan Dalam Talian	<p>-Tiada- (Borang Perkhidmatan Boleh Didapati Dan Dimuat Turun Melalui Laman Sesawang Majlis Perbandaran Bentong) https://www.mpbentong.gov.my/</p> <p>Pautan Borang: https://www.mpbentong.gov.my/ms/mpb/sumber/muat-turun-borang/jabatan-kesihatan-awam-dan-perhidmatan-perbandaran</p>						
Secara Manual	<p>Pemohon Perlu Mengisi Borang Permit Di Kaunter Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran, Majlis Perbandaran Bentong.</p> <p>Waktu Operasi :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>ISNIN – KHAMIS</th> <th>JUMAAT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>8.00 Pagi - 1.00 Tengah Hari 2.00 Petang - 5.00 Petang</td> <td>8.00 Pagi - 12.15 Tengah Hari 2.45 Petang - 5.00 Petang</td> </tr> <tr> <td>1.00 Tengah Hari - 2.00 Petang (Waktu Rehat)</td> <td>12.15 Tengah Hari - 2.45 Petang (Waktu Rehat)</td> </tr> </tbody> </table>	ISNIN – KHAMIS	JUMAAT	8.00 Pagi - 1.00 Tengah Hari 2.00 Petang - 5.00 Petang	8.00 Pagi - 12.15 Tengah Hari 2.45 Petang - 5.00 Petang	1.00 Tengah Hari - 2.00 Petang (Waktu Rehat)	12.15 Tengah Hari - 2.45 Petang (Waktu Rehat)
ISNIN – KHAMIS	JUMAAT						
8.00 Pagi - 1.00 Tengah Hari 2.00 Petang - 5.00 Petang	8.00 Pagi - 12.15 Tengah Hari 2.45 Petang - 5.00 Petang						
1.00 Tengah Hari - 2.00 Petang (Waktu Rehat)	12.15 Tengah Hari - 2.45 Petang (Waktu Rehat)						

9) PIAGAM PELANGGAN

- Tempoh Proses Permohonan Adalah 1 Hari Bekerja Dengan Syarat Dokumen Yang Lengkap.

10) SYARAT-SYARAT SEBELUM DAN SELEPAS PERMOHONAN LESEN

SYARAT-SYARAT SEBELUM PERMOHONAN LESEN

a) PERMIT SEPANDUK / GEGANTUNG / BELON UDARA

- (1) Satu Salinan Kad Pengenalan
- (1) Satu Surat Kelulusan Tuan Punya Tanah / Bangunan
- (1) Satu Salinan Pelan Lokasi Tempat Pemasangan Iklan
- (1) Satu Contoh Iklan
- (1) Satu Salinan Premis Perniagaan (Jika Berkenan)
- (1) Satu Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang M & A & Borang 49) atau Pendaftaran Perniagaan (Borang A atau B Dan D)

b) BUAH BERMUSIM

- Mengisi Borang Permit Perniagaan Dengan Lengkap
- (1) Satu Salinan Kad Pengenalan
- (1) Satu Pelan Lokasi Perniagaan

c) KAKI LIMA (MEJA) / KAKI LIMA

- i. Mengisi Borang Permit Perniagaan Dengan Lengkap
- ii. (1) Satu Salinan Lesen Perniagaan Yang Terkini
- iii. (1) Satu Gambar Hadapan Premis Perniagaan
- iv. (1) Satu pelan susun atur
- v. (1) Satu Salinan Surat Kelulusan Yang Terdahulu Bagi Permohonan Semula

d) PERNIAGAAN SEMENTARA

- i. Mengisi Borang Permit Perniagaan Dengan Lengkap
- ii. (1) Satu Salinan Kad Pengenalan
- iii. (1) Satu Pelan Lokasi Perniagaan
- iv. (1) Satu Gambar Hadapan Lokasi Perniagaan
- v. (1) Satu Salinan Surat Kelulusan Yang Terdahulu Bagi Permohonan Semula

SYARAT-SYARAT SELEPAS PERMOHONAN LESEN

A) PERMIT SEPANDUK / GEGANTUNG / BELON UDARA

- A.1.** Bahasa Malaysia adalah bahasa utama hendaklah digunakan bagi semua iklan sama ada ianya sahaja digunakan atau bersama dengan bahasa lain. Kedudukan Bahasa Malaysia adalah dibahagian atas dan sekiranya bahasa lain yang digunakan hendaklah berukuran tidak lebih setengah huruf daripada Bahasa Malaysia.
- A.2.** Pemasangan gegantung dan sepanduk hanya boleh dipamerkan ditempat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa melesen.
- A.3.** Pemasangan dijalan protokol adalah dilarang kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa melesen.
- A.4.** Perlu mendapat surat sokongan agensi berkaitan sekiranya melibatkan tiang atau tempat bukan milik MPB.
- A.5.** Pemohon adalah dilarang mempamerkan iklan minuman keras dan barangan asas tembakau pada gegantung dan sepanduk.
- A.6.** Tidak dibenarkan sepanduk atau gegantung digantung di pokok.
- A.7.** Pelepasan Belon udara perlu mendapatkan surat kebenaran daripada jabatan penerbangan awam (CAAM).
- A.8.** Zon larangan pengantungan gegantung/kain rentang di sepanjang jalan dari lampu isyarat jalan ketari menghala ke hentian raya bentong.
- A.9.** Zon larangan pengantungan gegantung/kain rentang di simpang jalan utama.
- A.10.** Zon larangan pengantungan gegantung/kain rentang di kawasan taman perumahan.

B) BUAH BERMUSIM

- B.1.** Aktiviti perniagaan buah-buahan bermusim hanya dibenarkan di tapak perniagaan yang diluluskan sahaja seperti mana surat kelulusan.
- B.2.** Penggunaan kanopi berukuran 10 x 10 kaki dan 20 x 20 kaki sahaja dibenarkan di tapak perniagaan.
- B.3.** Dilarang membina struktur kekal dan dilarang melepakan simen di tapak perniagaan.
- B.4.** Penggunaan kerusi dan meja bagi tujuan makan buah durian hanya dibenarkan setelah mendapatkan kelulusan dan bergantung kepada kesesuaian tempat.
- B.5.** Maksimum 2 buah khemah sahaja yang dibenarkan pada satu permohonan. sebarang penambahan khemah hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu secara bertulis daripada pihak majlis perbandaran bentong sebelum khemah dipasang.
- B.6.** Kelulusan permit buah bermusim hanyalah dibenarkan untuk penjualan buah seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan.
- B.7.** Peniaga adalah bertanggungjawab dalam memastikan kebersihan di tapak perniagaan dan memastikan cara yang munasabah dalam melupuskan sisa kulit buah.
- B.8.** Peniaga dilarang membuang sisa kulit buah selain di tapak pembuangan sampah yang diwartakan kerajaan.
- B.9.** Peniaga hendaklah mematuhi tempoh masa perniagaan sepertimana surat kelulusan.
- B.10.** Pembaharuan permit bergantung kepada pertimbangan majlis perbandaran bentong dan berhak menolak pembaharuan permit.
- B.11.** Pembaharuan permit hendaklah dikemukakan dalam tempoh 7 hari dari tarikh tamat tempoh permit.
- B.12.** Majlis perbandaran bentong berhak meminda, menambah apa-apa syarat bergantung kepada keadaan dari masa ke semasa.

C) KAKI LIMA (MEJA) / KAKI LIMA

- C.1.** Jalan-jalan yang boleh dibenarkan ialah jalan hadapan atau sisi kedai yang melebihi 20 kaki lebar, tidak di jalan besar atau protokol dan kebenaran hanya untuk tepi longkang atau sisi kedai sahaja dan garisan tempat letak kereta.
- C.2.** Masa yang dibenarkan meletakkan meja seperti berikut:
 - a. Kebenaran meletak meja di kaki lima dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.
 - b. Kebenaran meletak meja di tempat letak kereta dari jam 5.00 petang hingga jam 12.00 tengah malam sahaja.
- C.3.** Tempoh permit sementara yang dibenarkan adalah untuk tiga (3) bulan sahaja setiap permohonan dan permohonan semula perlu mengemukakan permohonan 7 hari sebelum tamat tempoh tersebut serta tertakluk kepada keputusan majlis perbandaran bentong.

- C.4.** Mewajibkan pelan lakar kawasan premis dan kelulusan ruang yang dimohon termasuk ukuran tempat kaki lima yang digunakan.
- C.5.** Mematuhi had bilangan meja yang telah diluluskan.
- C.6.** Pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan dipatuhi.
- C.7.** Mempamerkan resit pembayaran dan menampal stiker permit meja kaki lima bagi tujuan pemeriksaan.
- C.8.** Peniaga adalah bertanggungjawab untuk mengawasi bahawa tiada kenderaan atau halangan diletakkan di tempat kawasan meletakkan meja yang dibenarkan yang boleh menghalang laluan awam. Sekiranya berlaku, pelesen restoran tersebut boleh diambil tindakan penguatkuasaan.
- C.9.** Sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku akibat daripada meletakkan meja di luar ini adalah menjadi tanggungjawab pelesen atau pengusaha restoran.
- C.10.** Restoran yang dibenarkan hanyalah restoran dan kedai makan di dalam bangunan manakala premis bar, cafe dan pub atau penjaja perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis bergantung kepada kesuaian tempat.
- C.11.** Aktiviti memasak tidak dibenarkan dilakukan di luar premis (kaki lima, di atas jalan).
- C.12.** Pelesen hendaklah menyediakan satu tong sampah khas di sekitar tempat letak meja.
- C.13.** Para peniaga haruslah memastikan kebersihan di kawasan tempat letak kerusi / meja semasa berniaga dan selepas tamat waktu berniaga.
- C.14.** Sekiranya lokasi meletakkan meja menggunakan premis orang lain, kebenaran bertulis daripada pemilik premis berkenaan hendaklah diperolehi.
- C.15.** Pelesen hendaklah menyediakan kon keselamatan atau tanda reserved parking di setiap lot parking yang diluluskan untuk meletakkan meja.
- C.16.** Pihak Majlis Perbandaran Bentong berhak untuk mengubah atau membuat sebarang penambahan syarat-syarat yang dirasakan perlu dari masa ke semasa ke atas syarat-syarat yang telah dikeluarkan.
- C.17.** Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Bentong boleh membatalkan permit sementara ini tanpa memberi apa-apa alasan dan pihak pemohon tidak boleh menuntut apa-apa bayaran atau pampasan dari tindakan pembatalan ini.

D) PERNIAGAAN SEMENTARA

D.1. SYARAT-SYARAT AM

- D.1.1.** Pengeluaran minimum permit penjaja sementara adalah 30 hari manakala pengeluaran maksimum permit penjaja sementara adalah 90 hari.
- D.1.2.** Setiap permit yang telah tamat tempoh boleh dipertimbangkan semula permohonan.
- D.1.3.** Bayaran permit penjaja sementara hendaklah dijelaskan sebelum atau pada tarikh akhir permit.
- D.1.4.** Permit penjaja sementara tidak boleh disewa atau dipindah milik tanpa kelulusan MPB.
- D.1.5.** Menjalankan perniagaan mengikut kelulusan yang dinyatakan dalam permit.

D.2. CAJ PERMIT PENJAJA SEMENTARA

- D.2.1.** Bayaran yang dikenakan bagi permit penjaja sementara sebanyak RM60.00 bagi setiap bulan.

D.3. LOKASI PERNIAGAAN

- D.3.1.** Status tanah adalah tertakluk kepada kebenaran tuan pemunya pemilik tanah atau sekiranya tanah tersebut milik kerajaan perlu mendapatkan kelulusan TOL pejabat tanah.
- D.3.2.** Penjaja hanya dibenarkan berniaga dikawasan yang diluluskan sahaja sebarang pertukaran tempat peniaga perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis oleh pihak MPB.
- D.3.3.** Kebenaran menjalankan perniagaan di bahu jalan utama boleh dipertimbangkan dengan syarat jarak 3 meter dari bahu jalan.

D.4. PERALATAN PERNIAGAAN

- D.4.1.** Peralatan perniagaan seperti kanopi saiz 10 x 10 mudah alih, kerusi dan meja mudah alih yang hanya dibenarkan.
- D.4.2.** Sebarang binaan atau pertambahan gerai adalah dilarang sama sekali dan bagi penggunaan meja tempat memasak dan lain-lain keperluan memasak perlu mendapatkan kebenaran bertulis oleh pihak MPB.
- D.4.3.** Sebarang peralatan perniagaan hendaklah disimpan selepas tamat perniagaan.

D.5. KEBERSIHAN

- D.5.1.** Premis mestilah sentiasa bersih, bebas daripada sisa jualan, tidak boleh dialirkan atau dibuang ke dalam longkang.
- D.5.2.** Premis perlu menyediakan tong sampah bertutup dan berkarung plastik.
- D.5.3.** Melupuskan sampah dengan menggunakan karung plastik dan tong sampah yang sempurna.

D.6. PENGENDALI MAKANAN

- D.6.1.** Penjaja yang menjual makanan dan minuman wajib mendapatkan suntikan tifoid dan menghadiri kursus pengendali makanan.
- D.6.2.** Setiap pengendali makanan wajib memakai apron, penutup kepala dan berkasut, dilarang memakai sebarang aksesori seperti cincin, jam tangan dan gelang tangan.

D.7. TEMPAT -TEMPAT LARANGAN MENJAJA

- D.7.1.** Mana-mana larangan jalan atau bahagian sesuatu dalam lingkungan 40 meter dari sesuatu jalan masuk, jalan keluar, kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar awam atau kawasan perdagangan yang diperuntukan bagi penjaja.
- D.7.2.** Semua tempat letak kereta awam.
- D.7.3.** Semua perhentian bas, stesen bas dan stesen teksi.
- D.7.4.** Kawasan sekitar semua bangunan pejabat kerajaan dan tempat-tempat awam.
- D.7.5.** Taman Sultan Abu bakar.
- D.7.6.** Semua bahagian jalan-jalan awam berikut:
- Jalan Loke Yew
 - Jalan Ah Peng
 - Jalan Chui Yin


D.8. LAIN-LAIN

- D.8.1.** Adalah di ingatkan bahawa Majlis Perbandaran Bentong berhak untuk membatalkan permit pada bila-bila masa jika, syarat-syarat dan peraturan tidak dipatuhi atau wujudnya sesuatu kacau ganggu awam. (Seksyen 107(3) Akta 171).
- D.8.2.** Majlis Perbandaran Bentong boleh mengeluarkan apa -apa syarat tambahan dari masa ke semasa. (Seksyen 107(2) Akta 171).

E) SURAT AKU JANJI

Saya..... No. Kad Pengenalan..... dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi semua syarat-syarat yang akan dikenakan oleh pihak majlis perbandaran bentong sepanjang tempoh aktiviti perniagaan yang dijalankan dan bersetuju sekiranya saya melanggar apa-apa syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Perbandaran Bentong. Permit saya akan terbatal dan tindakan penguatkuasaan akan dikenakan ke atas saya tanpa sebarang notis yang akan dikeluarkan.

11) LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN (CARTA ALIR)



SEMAKAN PEJABAT	CHECKLIST

12) SENARAI SEMAK KEPERLUAN MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN SEMASA PERMOHONAN (CHECKLIST)

a) PERMIT SEPANDUK / GEGANTUNG / BELON UDARA

- i. (1) Satu Salinan Kad Pengenalan
- ii. (1) Satu Surat Kelulusan Tuan Punya Tanah / Bangunan
- ii. (1) Satu Salinan Pelan Lokasi Tempat Pemasangan Iklan
- iii. (1) Satu Contoh Lakaran Visual (Saiz A4)
- iv. (1) Satu Salinan Lesen Premis Perniagaan (Jika Berkenan)
- v. (1) Satu Salinan SSM Perakuan Pendaftaran (Borang M & A & Borang 49) atau Pendaftaran Perniagaan (Borang A atau B Dan D)
- vi. Pelepasan Belon udara perlu surat kebenaran daripada Jabatan Penerbangan Awam (CAAM)

b) BUAH BERMUSIM

- i. Mengisi Borang Permit Perniagaan dengan lengkap
- ii. (1) Satu Salinan Kad Pengenalan
- iii. (1) Satu Pelan Lokasi Perniagaan
- iv. (1) Satu Gambar Hadapan Tapak Perniagaan Terkini.
- v. Surat Kebenaran Pemilik Tanah Sekiranya Menggunakan Tanah Persendiriran. (Lampiran Salinan Geran)
- vi. (1) Satu Salinan Surat Kelulusan/Resit Yang Terdahulu Bagi Permohonan Semula.

c) KAKI LIMA (MEJA) / KAKI LIMA

- i. Mengisi Borang Permit Perniagaan Dengan Lengkap
- ii. (1) Satu Salinan Lesen Perniagaan Yang Terkini
- iii. (1) Satu Salinan Surat Kelulusan/Resit Yang Terdahulu Bagi Permohonan Semula.
- iv. (1) Satu Gambar Hadapan Premis Perniagaan Terkini
- v. Surat Kebenaran Pemilik Premis. (Sekiranya Pemohon Bukan Pelesen) atau menggunakan kaki lima premis lain.

d) PERNIAGAAN SEMENTARA

- i. Mengisi Borang Permit Perniagaan dengan lengkap
- ii. (1) Satu Salinan Kad Pengenalan
- iii. (1) Satu Pelan Lokasi Perniagaan
- iv. (1) Satu Gambar Hadapan Lokasi Perniagaan Terkini
- v. Surat Kebenaran Pemilik Tanah Sekiranya Menggunakan Tanah Persendiriran. (Lampiran Salinan Geran)
- vi. (1) Satu Salinan Surat Kelulusan/Resit Yang Terdahulu Bagi Permohonan Semula.

13) SENARAI PEMBAYARAN FI YANG DIKENAKAN

BIL	PERKARA	KADAR LESEN FI	KAEDAH PEMBAYARAN
1	Sepanduk Kawasan terbuka	<ul style="list-style-type: none"> ● Minima saiz - 8 x 2 = RM19.65/helai ● Maksima saiz - 20 x 8 = RM45.00/helai ● Stiker - RM 3.00/helai ● Caj pengurusan: 1-2 helai = RM50.00 <p style="text-align: right;">3-5 helai = RM 75.00 6 keatas = RM100.00</p>	Tunai
2	Sepanduk Kawasan billboard Sg.Marong	<p>SM 1 SM 2 SM 3 RM800.00/sebulan SM 6 SM 7</p> <p>SM 4 SM 5 RM600.00/sebulan SM 8 SM 9</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Saiz maksimum 34 X 12 ● Saiz minimum 15 X 3 ● Stiker - RM 3.00 	Tunai
3	Gegantung	<p>a) Saiz 6 x 2 –</p> <ol style="list-style-type: none"> i. 1 hingga 50 = RM50.00 ii. 51 hingga 100 = RM150.00 iii. 101 ke atas = RM300.00 iv. Hotspot = RM50.00/helai <p>b) Stiker = RM 3.00/helai</p>	Tunai

BIL	PERKARA	KADAR LESEN FI	KAEDAH PEMBAYARAN
		c) Caj pengurusan: i. 1 hingga 50 helai = RM50.00 ii. 51 hingga 100 helai = RM100.00 iii. 101 helai ke atas = RM 150.00	
4	Belon Udara	RM 60.00 / Sebulan	Tunai
5	Buah-Buahan Bermusim	RM 60.00 / Sebulan	Tunai
6	Meja	RM 15.00 / 1 set meja / Sebulan	Tunai
7	Kaki Lima	RM 60.00 / Sebulan	Tunai
8	Perniagaan	RM 60.00 / Sebulan	Tunai

14) TEMPOH SAH LAKU

- Minimum 1 bulan dan maksimum 3 bulan dan boleh membuat permohonan semula dengan syarat.

15) MAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

Output	a) Keputusan Permohonan b) Surat Kelulusan
Kaedah Penyampaian Keputusan Kepada Pemohon	Serahan Tangan

16) MAKLUMAT PEMBAHARUAN PINDAAN / PEMBATALAN

- Sebarang permohonan semula, Pemohon Perlu Kemukakan Permit Kelulusan Terdahulu.

17) RUJUKAN YANG BERKAITAN

- Undang-Undang Kecil Iklan (Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) 1976.
- Kertas Kerja.
- Dasar Majlis